

Dalam Negeri

100 keluarga miskin dapat bantuan

SUBANG 18 Ogos – Sebanyak 100 keluarga miskin dan kurang berkemampuan menerima sumbangan subsidi makanan melalui program MyKasih anjuran Pertubuhan MyKasih dan AmBank Group.

Pengerusi Pertubuhan MyKasih, Ngau Boon Keat berkata, program tersebut telah diadakan sejak April tahun lalu bagi membantu memberi bantuan makanan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan.

"Sebanyak 1,300 keluarga yang tidak berkemampuan di seluruh Malaysia terpilih menerima bantuan di bawah program ini antaranya di Selangor, Kayu Ara (Selangor), Ayer Itam (Pulau Pinang), Tanjung Langsat (Johor) dan Miri (Sarawak).

"Keluarga penerima yang terpilih untuk menerima bantuan ini telah melalui beberapa kriteria iaitu berpendapatan rendah, mempunyai anggota keluarga yang ramai dan ibu atau bapa tunggal," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut Pengerusi AmBank, Tan Sri Azman Hashim dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad, Datuk Ameer Ali Mydin.

Menurut Boon Keat, program menerusi sistem ePatrol Holding Sdn. Bhd. itu menggunakan MyKad sebagai baucer pembelian.

Katanya, setiap keluarga terpilih diberi RM80 sebulan untuk membeli keperluan dapur di pasar raya yang ditetapkan.

Sementara itu, seorang penerima, Panjalai Sinnayah, 59, berkata, bantuan tersebut mampu membantu serba sedikit perbelanjaan keluarganya.

"Bagi membesarkan dua orang anak yang masih belajar, pendapatan saya sebanyak RM680 sebulan sebagai pe-



SEBAHAGIAN warga miskin dan kurang berkemampuan menerima sumbangan subsidi makanan melalui program MyKasih di Subang Jaya, semalam.

kerja di pusat asuhan memang tidak mencukupi.

"Tambah pula, keadaan diri saya yang kematian suami 10 tahun lalu amat memerlukan bantuan seperti ini bagi menjalani kehidupan di ibu kota," katanya.

Baharin Adnan, 45, seorang peng-

awal keselamatan berkata, bantuan tersebut mampu membantunya berbalanja dengan bijak dan tidak membazir.

"Saya sebagai ketua keluarga dan mempunyai lima orang anak yang perlu ditanggung berasa amat bersyukur dengan bantuan ini kerana ia

telah memberi peluang kepada saya untuk berjimat ketika membeli barangan keperluan rumah.

"Melalui bantuan ini juga saya mampu merancang perbelanjaan saya dari awal dan ia mendidik saya untuk tidak membeli barangan yang tidak berfaedah seperti rokok," katanya.